

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN SUKAN TAHUNAN KEDUA PERSATUAN PEMULIHAN
ORANG-ORANG CACAT SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Lokasi : PUSAT PEMULIHAN ORANG-ORANG CACAT, KUALA LUMPUR
Tarikh : 17-03-1990

Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan hadirian sekalian.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Sukan Tahunan Kedua Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor Dan Wilayah Persekutuan. Saya berasa bangga kerana dapat menyaksikan orang-orang cacat mengambil bahagian dalam acara-acara sukan yang dipertandingkan. Saya mendapat tahu ada di antara peserta-peserta yang telah bertanding dan memenangi sesuatu acara bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa. Saya berbangga di atas kejayaan mereka.

2. Saya berharap orang-orang cacat akan mengambil lebih banyak perhatian dan minat terhadap sukan dan juga aktiviti-aktiviti rekreasi. Dengan menyertai aktiviti-aktiviti ini sedikit sebanyak akan menolong meningkatkan taraf kecergasan dan kesihatan serta dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan mencapai kejayaan yang lebih lagi di masa hadapan. Aktiviti-aktiviti ini juga akan mendedahkan mereka kepada perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dan menghindarkan mereka daripada melakukan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan berunsur negatif.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

3. Saya mengucapkan tahniah kepada orang-orang cacat dan kakitangan serta ahli-ahli jawatankuasa Persatuan yang telah berusaha memajukan Pusat ini. Aktiviti-aktiviti di Pusat ini telah bertambah dan dipelbagaikan ke beberapa bidang. Saya gembira melihat projek-projek baru seperti pembuatan tembikar dan percetakan, di mana usaha-usaha ini merupakan satu lagi usaha tambahan daripada projek yang telah sedia ada seperti jahitan, kraftangan, anyaman buluh dan perkebunan.

4. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Pusat ini memberikan sedikit sebanyak peluang kepada orang-orang cacat memilih kegiatan-kegiatan yang sesuai dan meninggikan lagi kemahiran mereka. Saya berharap orang-orang cacat akan menggunakan sepenuhnya peluang ini sebagai suatu latihan untuk membolehkan mereka berdikari suatu hari nanti, insya-Allah. Berlatih dan bekerjalah bersungguh-sungguh demi kejayaan diri sendiri. Tunjukkan kebolehan dan kemampuan kita. Orang-orang cacat bukan sahaja berkemampuan untuk mengeluarkan barang-barang yang bermutu tinggi, bersaing dengan orang-orang yang tidak cacat, bahkan boleh berdikari sendiri. Saya percaya kebanyakan daripada mereka adalah berkemahiran dan mampu untuk mencari pekerjaan yang lebih baik di luar, bahkan mampu untuk membuka perniagaan dan mengusahakannya sendiri. Inilah yang kita harapkan untuk melihat orang-orang cacat berdikari.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

5. Meskipun Pusat ini lebih suka mempunyai pekerja-pekerja yang baik dan berkemahiran, tetapi adalah lebih baik dan menggembirakan Pusat ini sekiranya mereka berjaya dalam kerjaya masing-masing di luar. Kejayaan mereka nanti sudah pasti akan membantu sedikit sebanyak perusahaan kraftangan di negara kita.

6. Di Majlis ini saya ingin menyeru kepada orang ramai, terutamanya persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan tertentu sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu usaha kerajaan menjaga kebajikan orang-orang cacat. Saya berharap lebih ramai lagi daripada ahli-ahli masyarakat akan menyertai Persatuan ini dengan memberi tunjuk ajar, bantuan, ataupun sebagai rakan-rakan orang-orang cacat anggota yang tinggal di Pusat ini.

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian,

7. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan kerana telah menjemput saya ke Majlis ini.

Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Sukan Tahunan Kedua Persatuan ini dengan rasminya.

Terima kasih.